

22/07/2002

Polis tahan Kit Siang sebar risalah

PORT DICKSON, Ahad - Polis menahan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang dan lima lagi pemimpin bahagian parti itu kerana mengedarkan risalah yang membantah pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam di pasar Port Dickson dekat sini, pagi ini.

Risalah itu merujuk kepada pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 September, tahun lalu, bahawa Malaysia adalah sebagai negara Islam.

Turut ditahan Ketua DAP Teluk Kemang yang juga Penolong Setiausaha Publisiti, John Fernandis; Naib Pengerusi DAP Teluk Kemang P Gunasegaran; Penolong Setiausahanya, Wong Hong Chuan; Ketua Biro Pendidikan, M K Arumugam dan Ketua DAP Lukut, Yew Kong Soo.

Pemangku Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan Abdul Karim Hassam, berkata keenam-enam pemimpin DAP itu dibawa ke balai polis untuk diambil kenyataan, sebelum dibebaskan tanpa syarat kira-kira jam 11.30 pagi.

Katanya, mereka ditahan ketika sedang mengedarkan risalah sejak jam 8.45 pagi. Sebanyak 143 risalah dirampas daripada mereka.

Beliau berkata, polis akan menjalankan siasatan berhubung kes itu dan akan merujuk kepada pihak pendakwa untuk tindakan selanjutnya.